

30 SEP 2000

Haji-Rasmi

MAHATHIR RASMI PERSIDANGAN PANDUAN HAJI

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan persidangan panduan haji yang pertama di Seri Kembangan dekat sini.

Lebih daripada 150 perwakilan dari 52 buah negara menghadiri persidangan tiga hari anjuran bersama Kerajaan Arab Saudi dan Lembaga Tabung Haji.

Persidangan itu adalah acara pertama seumpama itu yang berlangsung di luar dunia Arab.

Yang turut hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, Menteri Haji Arab Saudi Dr Iyad Ameen Madani dan Ketua Eksekutif Tabung Haji Datuk Badroddin Kassim.

Persidangan itu bermatlamat merumus cadangan dan garis panduan bagi latihan yang berkesan untuk bakal haji sebelum mereka menunaikan haji di Tanah Suci.

Ia juga akan membincangkan pelbagai isu berkaitan untuk meningkatkan kerjasama di kalangan negara-negara mengenai perkara berkaitan haji.

Empat kertas kerja mengenai pengurusan haji oleh Jordan, Senegal, Turki dan Malaysia akan dibentang dan dibincangkan hari ini.

Malam ini, para perwakilan akan menghadiri jamuan anjuran Kedutaan Arab Saudi.

-- BERNAMA

MAM MAM LAT